

Lebih 650 kes melibatkan pegawai Ukraine subahat dengan Russia

# Ramai pegawai Ukraine paling tadah

**KYIV:** Ukraine berdepan situasi tegang baharu selepas Presiden Volodymyr Zelensky memecat dua pegawai tertinggi negara ini.

Zelensky menerusi pengu-  
muman memaklumkan, beliau  
memecat ketua pendakwa raya,  
Iryna Venediktova dan ketua  
keselamatan, Ivan Bakanov  
berikutan disyaki mengkhianat  
negara.

Menerusi ucapan, Zelensky  
memaklumkan lebih 650 kes  
paling tadah dan membantu  
pasukan tentera Russia melibat-  
kan pegawai kerajaan Ukraine  
sedang disiasat, termasuk 60  
kes membabitkan pegawai yang  
berada di 'wilayah dikuasai Rus-  
sia dan bersedia menentang ne-



**IRYNA Venediktova dan Ivan Bakanov dipecat selepas disyaki bersubahat dengan pasukan tentera Russia. - AGENSI**

gara ini'.

"Sejumlah besar jenayah ter-  
hadap keselamatan negara dan  
hubungan yang terjalin antara  
pegawai penguatkuasa undang-

undang Ukraine dengan perkhid-  
matan khas Russia menimbulkan  
persoalan yang amat serius  
kepada pemimpin berkaitan.

"Dan setiap persoalan itu

akan dijawab," ujar Zelensky.

Selain itu, pemimpin Ukraine  
tersebut turut menzahirkan ke-  
bimbangan terhadap operasi  
ketenteraan Russia yang disifat-  
kan semakin agresif dari semasa  
ke semasa.

Kyiv mendakwa Moscow mel-  
ancarkan lebih 3,000 peluru  
berpandu terhadap sasaran di  
Ukraine sehingga mengorban-  
kan banyak nyawa penduduk  
dan anggota tenteranya.

Dalam perkembangan berkait-  
an, berhampiran pesisir Laut  
Hitam di bandar Mykolaiv, ked-  
ua-dua pasukan tentera saling  
melancarkan serangan udara.

Gabenor Vitaliy Kim memak-  
lumkan, pertempuran sengit  
itu menyebabkan sejumlah ka-

wasan penempatan musnah  
terkena bedilan sehingga mera-  
gut tiga nyawa di Shevchenkove  
dan seorang wanita terbunuh di  
Shyroktiv.

Menerusi wawancara bersa-  
ma BBC kelmarin, jurucakap  
tentera Britain, Tony Radakin  
menganggarkan 50,000 tentera  
Russia terbunuh atau cedera se-  
jak peperangan berlaku dengan  
hampir 1,700 kereta kebal dan  
4,000 kenderaan berperisai mi-  
lik Moscow musnah dalam per-  
tempuran.

Disebabkan itu, Russia sem-  
akin terdesak untuk 'memenangi  
peperangan', menyebabkan  
mereka melancarkan seran-  
gan secara besar-besaran dan  
berterusan. - AFP

**PASUKAN  
bomba cuba  
memadamkan  
kebakaran  
hutan di  
Pumarejo de  
Tera di utara  
Sepanyol. -  
AFP**

